

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 16 April 2017 10:32
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bakal Pemimpin Digesa Lengkapi Diri Dengan Ilmu



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



16 APRIL 2017 / 19 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

BAKAL PEMIMPIN DIGESA LENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU



UUM ONLINE: Generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan perlu melengkapkan diri secukupnya dengan ilmu pengetahuan bagi menghadapi cabaran-cabaran masa kini yang semakin kompleks.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Johari Baharum berkata kepesatan teknologi pada hari ini mewujudkan cabaran-cabaran baharu yang tidak dihadapi pemimpin terdahulu.

"Pada hari ini kita menghadapi banyak cabaran bentuk baharu yang lebih kompleks seperti ancaman-ancaman subversif, penyebaran ideologi pengganas melalui media sosial dan dadah bentuk baharu.

"Justeru bakal pemimpin masa hadapan negara perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi bagi menggalas tanggungjawab menghadapi dan menangani cabaran dan ancaman ini," ujarinya pada program "Leadership Talkshow - Mencipta Pemimpin Menelusuri Zaman" di Dewan Budi Siswa, Pusat Budaya dan Seni, Universiti Utara Malaysia (UUM) petang semalam.

Selain itu tambahanya lagi, pemimpin perlu meletakkan kepentingan untuk orang lain lebih daripada kepentingan diri sendiri.

"Pemimpin tidak boleh fikirkan kepentingan diri atau bangsa sendiri semata-mata. Sebagai pemimpin kita perlu menjadi pemimpin untuk semua bukan hanya pemimpin bagi golongan tertentu sahaja.

"Di samping itu pemimpin juga perlu sedia berkorban, sentiasa berwaspada, bijak membuat keputusan dan tidak mudah terpengaruh dengan mana-mana pihak," katanya.

Beliau turut berkongsi pengalamannya berkhidmat dengan tiga Perdana Menteri dan perbezaan pendekatan kepimpinan ketiga-tiga pemimpin berkenaan.

Program anjuran Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM) ini bertujuan memantapkan keupayaan para belia secara keseluruhannya berhubung aspek kepimpinan di samping membentuk modal insan berkualiti berpaksikan kepada prinsip moral, etika dan kecemerlangan diri yang sentiasa menjadi fokus utama dalam memastikan kejayaan dalam sesuatu agenda dalam perkhidmatan awam.

Program itu turut dihadiri belia-belia dari Majlis Belia Negeri Kedah.

Hadir sama Pengarah IPDM, Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri; Penolong Pengarah PBS, Mohd Jasrihanizan Badol dan pegawai-pegawai Universiti.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.